

Penunggang motosikal berkuasa tinggi maut rempuh pikap



Motosikal berkuasa tinggi tercampak atas belakang pikap dalam kemalangan di Kilometer 98.6 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Satu, kelmarin.

(Foto ihsan IPD Temerloh)

Temerloh: Seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi maut selepas merempuh belakang sebuah pikap yang berhenti secara mengejut, selepas pemandunya cuba mengelak seorang wanita melintas lebuhraya.

Kemalangan berlaku di Kilometer 98.6 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Satu, dekat susur keluar Lanchang, dekat sini, jam 4.45 petang kelmarin.

Video nahas berkenaan tular di media sosial.

Mohd Haziq Ramli berusia 34 tahun yang menunggang Suzuki GSX-R1000 adalah seorang pemuzik Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL), maut di tempat kejadian akibat nahas itu.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mazlan Hassan, berkata hasil siasatan awal mendapati kemalangan dipercayai berpunca apabila seorang wanita berusia 35 tahun yang memandu sebuah jip berhenti di tepi jalan dan melintas jalan dari kiri ke kanan jalan.

“Akibat perlakuan wanita itu, sebuah pikap membrek secara mengejut.

“Dalam masa sama datang sebuah motosikal dari arah belakang terus merempuh bahagian belakang pikap berkenaan,” kata-

nya dalam kenyataan semalam.

Penunggang motosikal terjatuh di lorong laju, manakala motosikal mangsa tercampak ke atas bahagian belakang pikap.

“Hasil siasatan awal mendapati kemalangan berlaku disebabkan kecuaiannya pemandu wanita tersebut yang berhenti di bahu jalan dan melintas jalan,” katanya.

Katanya, satu tangkapan dibuat terhadap wanita berkenaan untuk siasatan lanjut pada jam 4.40 petang semalam.

“Penumpang jip seorang lelaki warga China berusia 37 tahun turut direman tiga hari bagi membantu siasatan,” katanya.